

MAHATHIR - BANK

1982

KUALA LUMPUR, 25 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MALAM INI TELAH MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA BERSEDIA MENGHADAPI RINTANGAN EKONOMI MASA DEPAN APABILA NEGARA-NEGARA MAJU MENERUSKAN DASAR PERLINDUNGAN MEREKA DAN BERUNDUR DARI SISTEM PERUSAHAAN TERBUKA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA NEGARA SEDANG MENJALANI SATU MASA PENUH CABARAN YANG BELUM PERNAH DIALAMI SEJAK MERDEKA.

"SELEPAS DUA DEKAD SETENGAH MENGHADAPI PEMBANGUNAN YANG TIDAK DAPAT DITANDINGI, KITA SEKARANG MENGHADAPI PERINGKAT PEMBANGUNAN YANG KRITIKAL YANG DAPAT DILIHAT DARI KEADAAN EKONOMI DUNIA YANG TIDAU PASTI DAN KADANGKALA BERMUSUHAN," JELAS BELIAU.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN PERSATUAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN BAHAWA NEGARA PERINDUSTRIAN YANG BESAR, YANG JUGA MERUPAKAN PENGIMPOR BAHAN MALAYSIA SEDANG MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI DI IKUTI DENGAN KADAR PENGANGGURAN YANG TINGGI SERTA KEDUDUKAN PEMBAYARAN LUAR YANG LEMAH. -- LAGI 2255/PA

MAHATHIR - BANK 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SEBAHAGIAN BESAR DARI KEADAAN EKONOMI YANG TIDAK TENTU DAN BERCELARU ITU TIMBUL DARI PERSPEKTIF POLITIK DAN EKONOMI YANG BERCANGGAH.

KEDUA-DUANYA PENTING UNTUK MEMULIHKAN PERINDUSTRIAN DENGAN MODAL BARU SUPAYA MENINGKATKAN PENGELUARAN, TETAPI PENGUNDURAN DARI PERUSAHAAN TERBUKA TELAH MENGURANGKAN PERDAGANGAN DUNIA DISAMPING MELAHIRKAN KEADAAN YANG LEMBAB.

"TIDAK ADA TANDA-TANDA SEHIJGA INI YANG MENUNJUKKAN BAHAWA PEMIMPIN-PEMIMPIN EKONOMI INI AKAN BERTINDAK DENGAN WARAS DAN TEGAS.

"SAGI KITA DI MALAYSIA, KITA TERPAKSA BERSEDIA DAN BERGANTUNG KEPADA DIRI SENDIRI UNTUK MENGHADAPI TENTANGAN EKONOMI YANG HEBAT INI." TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA EKONOMI MALAYSIA BOLEH MENJADI BERTAMBAH BAIK JIKA TIDAK ADA MASALAH PERBEZAAN KAUM YANG MEMAKSA KERAJAAN UNTUK MENGAKUI APA YANG BELIAU KATAKAN SEBAGAI "KESAN KONVOI".

-- LAGI 2257/PA

MAHATHIR - BANK 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BAHAWA KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI PERLU MENGAMBIL KIRA KUMPULAN YANG PALING KECIL SEKALI DAPAT MENYESUAIKAN DIRI.

TETAPI KATANYA PENGORBANAN SEUMPAMA INI ADALAH LEBIH BAIK DARI KONFRANTASI ANTARA KAUM AKIBAT KADAR PERTUMBUHAN YANG CEPAT TETAPI TIDAK ADIL, DAN INILAH YANG MENYEBABKAN BERMULANYA DASAR EKONOMI BARU.

"DASAR EKONOMI BARU YANG TIDAK MENYEKAT DAPAT DILIHAT DARI KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI SEBANYAK 8 PERATUS -- SATU ANGKA YANG LEBIH BAIK DARI NEGARA-NEGARA YANG MEMBANGUN."

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELEPAS KEMAKMURAN YANG BERTERUSAN SEJAK MERDEKA, NEGARA SEKARANG MENGHADAPI KESAN KEMELESETAN ANTARABANGSA. "KITA TERPAKSA MENGAKUI INI DAN MEMBUAT PENYESUAIAN."

"KEADAAN DASAR PERLINDUNGAN DAN OPERASI STOK SIMPANAN ADALAH BEBERAPA FAKTOR YANG AKAN MEMPUNYAI KESAN TERHADAP KESEJAHTERAAN EKONOMI PADA MASA HADAPAN.

"KITA PERLU BELAJAR UNTUK HIDUP DENGAN MEREKA DAN MENGATASI KESAN BURUK INI DENGAN STRATEGI DAN DASAR YANG DIRUMUS KHAS.

"KATANYA. -- LAGI 2301/PA

B692:

MAHATHIR - BANK 4 KUALA LUMPUR

MALAYSIA, KATANYA TELAH DIKENALI SEBAGAI "NEGARA YANG BERNASIB BAIK" TETAPI NASIB MEMPUNYAI PERANAN KECIL BAGI MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA.

"APA YANG KITA PERLUKAN IALAH USAHA YANG GIGIH - BAGI PIHAK PENGURUSAN DAN PEKERJA, KITA PERLU MENJADI LEBIH PRODUKTIF MELALUI KERAJINAN.

"DALAM KEADAAN KEMESELETAN KITA TERPAKSA MENGETATKAN LAGI TALI PINGGANG DAN KITA TERPAKSA HIDUP MENGIKUT KEUPAYAAN SENDIRI. SETIAP SEN YANG DIBELANJAKAN MESTI DIKIRA OLEH ORANG YANG TERLIBAT SAMADA SWASTA ATAU KERAJAAN."

MENGENAI PERTUMBUHAN EKONOMI, BELIAU BERKATA TENTANG PERLUNYA UNTUK MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN DALAM NEGERI SUPAYA EKSPORT YANG MERUPAKAN PEMBEKAL TERBESAR KEPADA KELUARAN KASAR NEGARA AKAN DAPAT DIKECILKAN SEDIKIT.

UNTUK MENGERAKKAN SEMULA EKONOMI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM, PENGUSAHA, AHLI KEWANGAN DAN PEKERJA PERLU MENGUBAH SIKAP DAN MENGEKALKAN DISIPLIN YANG KETAT SUPAYA PENDAPATAN DAN MUTU KEHIDUPAN DAPAT DIBAIKI.

-- LAGI 2306/PA

B693

MAHATHIR - BANK 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERANAN KALANGAN KEWANGAN, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA MEREKA MEMPUNYAI PERANAN TERUTAMANYA UNTUK MENDAPATKAN SEKTOR SWASTA MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BESAR DALAM KEADAAN EKONOMI NEGARA DAN MATLAMAT Mencari KEUNTUNGAN.

BELIAU MENGGESA MEREKA SUPAYA MENGAMAL SIKAP BERHATI-HATI DAN MEMBUAT KEPUTUSAN YANG TEPAT DALAM MENJALANKAN TUGAS UNTUK MENGGUNAKAN KEWANGAN AWAM DENGAN CARA YANG TERBAIK YANG MEREKA TAHU.

BELIAU JUGA MENYERU MEREKA SUPAYA MENGGALAKKAN SEMANGAT BERJIMAT DAN MENYIMPAN WANG DI KALANGAN ORANG MUDA. INI DAPAT DILAKUKAN DENGAN MEMBAIKI PERKHIDMATAN BANK DAN KEMUDAHANNYA UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PENYIMPAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN KALANGAN KEWANGAN BAHAWA MEMBIAYAI KEGIATAN DI LUAR MALAYSIA MERUPAKAN SESUATU YANG BELUM DAPAT DITERIMA OLEH NEGARA MEMANDANGKAN SUMBER YANG MASIH BERKURANGAN.

'GAYA BERHARAP KALANGAN KEWANGAN INI AKAN MENJALANKAN TUGAS MEREKA MENGGUNAKAN WANG YANG TERKUMPUL KE ARAH YANG LEBIH PRODUKTIF DAN MEMBIAYAI KEGIATAN EKONOMI DALAM MALAYSIA,' KATANYA. -- LAGI 2310/MB

MAHATHIR -BANK 6 KUALA LUMPUR

KATANYA KALANGAN KEWANGAN SEPATUTNYA MEMBANTU MEREKA YANG TELAH MENGAMBIL LANGKAH MENGURANGKAN PEMBAZIRAN DAN MENGUKUHKAN DIRI DISAMPING MENINGGIKAN KECEKAPAN DARI SEGI KOS DAN PENGELUARAN SEBAGAI PERSIAPAN DALAM PERTUKARAN EKONOMI YANG AKAN DATANG.

'ANDA PATUT MEMBAYAR BALIK KEPADA PENIAGA-PENIAGA KECIL, PETANI DAN PENGUSAHA INDUSTRI YANG TELAH MELETAKKAN KEYAKINAN UNTUK MENYIMPAN WANG DENGAN ANDA, DENGAN KEYAKINAN BOLEH MENGATASI TEMPOH YANG SUSAH INI DAN KELUAR DARINYA, DENGAN HARAPAN SUPAYA MENJADI LEBIH GIGIH DARI DAHULU.

'NASIHAT KEWANGAN ANDA YANG BETUL DAN GALAKAN MEMPUYAI KEUPAYAAN DALAM MENGEKALKAN KEGIGIHAN PENGUSAHA-PENGUSAHA BAHARU. MEREKA YANG BERJAYA MENGATASI ZAMAN KEMELESETAN INI ADALAH WAJAR MENDAPAT SOKONGAN ANDA.'

'SAYA BERKATA INI SEBAB KEADAAN PESINIS YANG BERLEBIHAN DAN PENARIKAN PINJAMAN YANG TIDAK WAJAR DALAM KEADAAN YANG KRITIKAL INI BOLEH MEROSAKKAN EKONOMI DAN JUGA KEYAKINAN TERHADAP KALANGAN PERNIAGAAN DALAM SISTEM BANK, SEPERTI KEADAAN KEGEMBIRAAN YANG TIDAK MENENTU DALAM KEADAAN EKONOMI YANG BERKEMBANG.

MENGENAI PINDAAN BARU KEPADA AKTA BANK, 1973, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IANYA BERTUJUAN UNTUK MENGELAKKAN KEGIATAN YANG TIDAK DIINGINI SEPERTI RASUAH DI KALANGAN GOLONGAN KEWANGAN.

-- BERNAMA 2320/MB